

SPRM tahan
bekas Pengerusi
MARA Inc disyaki
terbabit **rasuah**
RM33.45 juta
pembelian hartaanah
di Melbourne

Muka 7

Kes *MARA Inc beli hartaanah di Melbourne*

Bekas Pengerusi MARA Inc ditahan kes rasuah

Suspek bergelar Datuk bakal didakwa atas 22 pertuduhan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas pengerusi MARA Incorporated Sdn Bhd (MARA Inc) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam berhubung skandal pembelian hartaanah oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu di Australia, kira-kira lapan tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, ketika mengesahkan perkara itu berkata suspek akan didakwa atas 22 pertuduhan kerana disyaki menerima rasuah berjumlah RM33.45 juta daripada pembelian kontroversi hartaanah di Melbourne, Australia.

Katanya, suspek bergelar Datuk berusia 65 tahun itu akan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Rasuah Kuala Lumpur, Jalan

Duta, pada jam 9 pagi esok menikut Seksyen 16 (a), 17 (a) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 2(4) Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001.

Hartaanah itu adalah bangunan lima tingkat seluas 30,279 kaki persegi mengandungi 112 bilik, termasuk asrama pelajar dibeli MARA untuk kegunaan pelajar Malaysia tajaannya di Australia.

Pada 14 September tahun lalu, Azam dilaporkan berkata, SPRM akan mendapatkan keterangan daripada hasil siasatan *Australian Federal Police* (AFP) berkaitan kes itu dan mungkin membuat pendakwaan di Malaysia.

Pada 5 Ogos 2020, *The Sydney Morning Herald* melaporkan seorang individu didakwa atas tuduhan merasuah seorang pegawai warga asing (Malaysia) dan empat lagi tuduhan berhubung akaun palsu berkaitan penjualan



Keratan akhbar BH 18 September 2020.

blok penginapan pelajar Dudley House kepada Mara Inc.

Boon Lye Teen, atau dikenali sebagai Dennis Teen, 68, dituduh melakukan kesalahan itu pada 8 Mac 2013 di Vermont South, Melbourne.

Berdasarkan butiran mahkamah, harga hartaanah dipersejui untuk dijual pada harga AU\$17.85 juta (anggaran RM53.55 juta ketika itu), namun kemudian dijual pada harga lebih tinggi iaitu AU\$22.6 juta (RM67.8 juta) dengan AS\$4.75 juta (RM13.8 juta) digunakan untuk membayar

pegawai awam di Malaysia.

Akhbar Australia, *The Age* pada 2015 pula melaporkan seorang pegawai tinggi MARA, seorang pegawai kanan dan seorang bekas ahli politik, didakwa membelanjakan berjuta-juta dana kerajaan untuk membeli satu blok apartmen di Melbourne dalam penipuan hartaanah itu.

Akhbar itu mendakwa ‘sekumpulan pegawai Malaysia yang amat kaya’ terlebih bayar sebanyak A\$4.75 juta (RM13.8 juta) bagi blok apartmen di bandar raya berkenaan pada 2013.